

## **Teknik Draping: Penggunaan *Heavy Weight Material (DENIM)* dalam Reka Bentuk Busana Pengantin**

*Draping technique: Heavy Weight Material (DENIM) use in Wedding Dress Design*

**Siti Salwa Jamaldin**

Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
salwa@fskik.upsi.edu.my

### **Abstrak**

Kajian ini mengkaji pelbagai rupa bentuk busana pengantin wanita, menggunakan pendekatan kualitatif bertujuan untuk mengenal pasti, mereka bentuk proses penghasilan busana pengantin secara konvensional. Melalui kajian ini, penggunaan teknik *draping* diterapkan dalam mereka bentuk busana pengantin wanita Melayu iaitu dengan menggunakan fabrik denim. Dapatkan kajian mendapat, bahawa reka bentuk busana pengantin wanita yang dihasilkan oleh pereka-pereka fesyen tempatan bagi setiap negeri di Malaysia adalah berbeza antara satu sama lain. Teknik *flat pattern* didapati lebih banyak diaplakasikan berbanding teknik *draping*. Begitu juga, didapati fabrik *heavy weight material (denim)* amat jarang digunakan di Malaysia bagi tujuan reka bentuk busana pengantin berbanding fabrik sutera, songket, *satin*, *georgette* dan *chiffon*. Hasil kajian ini juga mendapat, reka bentuk busana pengantin warisan tradisional Melayu yang diguna pakai pada hari ini telah banyak diubah suai daripada reka bentuk asalnya.

**Kata kunci** denim, teknik *draping*, busana pengantin

### **Abstract**

*This study analyses the different design in wedding dresses, by approaching qualitatively, with an intention of identifying the designing process of creating these dresses conventionally. Through this study, the draping technique has been instilled in the creation of Malaysian wedding dresses by using denim as the fabric. Study results revealed that wedding dresses designed by different fashion designers throughout Malaysia varies from one another. In fact, the flat pattern technique has been seen to be implemented more as compared to the draping technique. Moreover, the heavy weight material fabric (denim) was seen to be implemented far less in Malaysia for the sole reason of creating wedding dresses as compared to silk, songket, satin, georgette and chiffon. The results from this study also reveals that the design of traditional Malay wedding dresses that were still been worn until today has been redesigned from the original design.*

**Keywords** denim, draping technique, wedding dress

### **PENGENALAN**

Pakaian penting untuk melindungi tubuh daripada panas dan sejuk. Pakaian diperbuat daripada pelbagai bahan antaranya yang paling terkenal adalah kapas, linen, bulu haiwan, sutera dan sebagainya. Fungsi utama pakaian ialah untuk menutup aurat. Ia juga berfungsi untuk melindungi kulit daripada hujan dan cahaya terik matahari. Jenis-jenis pakaian juga melambangkan kekuasaan yang dimiliki oleh seseorang. Melalui pakaian juga, identiti seseorang dapat dikenal pasti. Apabila penyelidik memperihalkan tentang pakaian, ianya tidak dapat lari daripada pakaian busana pengantin. Perkembangan pakaian busana pengantin telah berkembang sejak zaman berzaman. Kesenian dan kecantikan pakaian busana pengantin dapat dilihat melalui reka bentuk, warna dan kualiti fabrik yang digunakan.

Busana pengantin merupakan sebuah busana yang sangat diidam-idamkan oleh para gadis sebagai calon mempelai wanita. Pasangan yang bakal menjadi raja sehari biasanya diberi pilihan menjadi pengantin gaya moden atau tradisional. Busana pengantin memiliki pelbagai fesyen dari segi reka bentuknya, warna, potongan, dan jenis fabrik. Makna atau lambang dari busana pengantin melambangkan keagungan, kesucian

dari kedua mempelai di mana busana ini menandakan kedua calon mempelai telah siap sedia untuk disatukan dalam mengharungi bahtera rumah tangga.

Seiring dengan perkembangan zaman, busana mengalami perubahan sesuai dengan perkembangan fesyen, reka bentuk, teknologi dan seni tekstil. Fungsi busana dapat ditinjau dari beberapa aspek antaranya aspek biologi, psikologi dan sosial. Pemakaian busana, biasanya berkait rapat dengan norma yang berlaku dalam masyarakat, seperti norma agama, susila, sopan santun dan sebagainya. Ia juga secara tidak langsung memberi gambaran tentang kondisi lingkungan, budaya, waktu pemakaian, jenis, konsep, warna atau corak busana yang perlu disesuaikan. Tanpa disedari, busana pengantin dilihat sebagai satu keperluan yang wajib kepada bakal pengantin baru tanpa mengira umur, bangsa dan tempat tinggal.

Pemilihan busana yang sesuai amat penting bagi seseorang, mengikut keadaan bentuk tubuh, warna kulit, keperibadian, jantina dan sebagainya. Kesalahan dalam memilih busana akan memberi kesan tertentu kepada pemakai, lebih-lebih lagi busana yang digayakan itu tidak dapat menyerlahkan kecantikan diri atau menutup kekurangan diri, bahkan kadang-kadang kekurangan tersebut dilihat semakin menonjol.

Bagi mengelakkan perkara-perkara di atas berlaku, pemilihan busana yang sesuai dan teliti perlu diambil kira, sama ada melibatkan faktor individu mahu pun faktor persekitaran. Antara faktor individu, terdiri daripada bentuk tubuh, umur, warna kulit, jantina dan keperibadian. Manakala faktor persekitaran pula, adalah ruang masa, peluang dan peredaran zaman.

Perubahan busana pengantin pada hari ini dapat dilihat dari sudut reka bentuk, erti dan fungsi, bahan, serta nilai-nilai falsafah tradisional. Adakah ianya berlaku mengikut kehendak adat turun-temurun semata-mata, kerana wang atau keunikan reka bentuk busana yang diutamakan? Hari ini, perubahan yang berlaku ke atas busana pengantin amatlah ketara, terutamanya reka bentuk yang diminati dan disukai generasi muda masa kini tanpa memikirkan, adakah busana pengantin pada hari ini masih lagi mengekalkan ciri-ciri seni warisan budaya bangsa atau telah mula ditelan zaman? Lantaran pula, dengan perkembangan dunia teknologi maklumat tanpa sempadan, sedikit sebanyak telah memberi impak besar kepada seni budaya timur busana pengantin yang boleh mempengaruhi nilai-nilai sosial masyarakat.

Penampilan penggunaan media baru dalam hasil kerja seni busana pengantin kini didapati semakin banyak dihasilkan. Pendekatan baru hasil kerja seni reka bentuk busana yang mengaitkan ciri-ciri yang berkonsepkan *heavy weight material* (denim) masih belum lagi diterokai oleh *designer* busana pengantin. Proses mereka bentuk dan menyediakan kelengkapan busana pengantin merupakan pekerjaan yang amat rumit. Masa bagi menghasilkan setiap set busana pengantin mengambil tempoh yang panjang dan reka bentuk pula sentiasa berubah-ubah. Manakala, harga bagi setiap busana pengantin amatlah mahal, kerana ada yang mencecah sehingga puluhan dan ratusan ribu ringgit. Persolannya, adakah kajian terhadap teknik *draping* bagi bahan *heavy weight material* (denim) mampu memberikan satu fenomena baru terhadap dunia fesyen busana pengantin bagi raja sehari? Tambahan pula, adakah teknik yang sedia ada dari warisan timur bagi pembuatan busana pengantin mampu kekal selamanya?

## Latar Belakang

Teknik *draping* merupakan satu teknik yang digunakan bagi mencantikkan rekaan fesyen yang melibatkan fabrik. Teknik *draping* ini juga, diterjemahkan melalui bagaimana fabrik itu digantungkan. Cara menggunakan teknik ini adalah dengan menjahit fabrik yang hendak dibuat dengan cara melonggarkan fabrik pada tempat tertentu bagi mencipta kesan yang beralun. Teknik ini boleh mendatangkan hasil yang amat menarik sekiranya dilaksanakan dengan teknik *draping* yang betul. Selain itu, kemahiran serta latihan adalah perlu untuk menghasilkan padanan, cara jatuh dan kepenuhan yang sempurna ke atas pakaian. Kebanyakan teknik ini digunakan untuk membuat pakaian seperti skirt, *dress*, korset, blaus dan seluar. Pereka perlu mempertimbangkan banyak aspek sepanjang melaksanakan teknik ini. Sebagai contoh, jenis kain. Hal ini kerana ianya boleh berubah maknanya dengan cara mengubah suai cara kain digantungkan pada fabrik seperti; kain jenis chifon, satin, lycra dan sutera. Walau bagaimanapun, pereka fesyen lebih berminat membuat eksperimentasi dengan pelbagai jenis fabrik bagi melihat sejauh mana kesan teknik *draping* itu dihasilkan. Terdapat juga cara untuk mengawal teknik *draping* iaitu dengan mengenal pasti ketebalan dan

kekekjangan kain, iaitu dengan melihat sampel atau kaedah dengan menggunakan sejenis alat yang dinamakan *drape mater*. Dalam kajian ini, teknik *draping* diaplikasikan oleh penyelidik dengan menggunakan *heavy weight material* (denim) bagi mereka bentuk busana pengantin.



**Rajah 1** Draping on the stand

Perkataan ‘busana’ diambil daripada bahasa Sanskrit ‘*bhusana*’. Busana merupakan segala sesuatu yang kita pakai mulai dari hujung rambut sampai hujung kaki. Busana mencakupi busana pokok, pelengkap (*milineris dan aksesories*) dan tata riasnya. Busana yang dipakai dapat mencerminkan keperibadian dan status sosial pemakai. Selain itu, busana yang dipakai juga dapat menyampaikan mesej atau imej kepada orang yang melihat. Oleh itu, dalam busana banyak hal yang perlu diperhatikan dan pertimbangkan sehingga memperolehi busana yang sesuai, indah dan menarik (Ernawati, 2008). Busana pengantin dikaitkan dengan salah satu kelengkapan pakaian yang lengkap dan cantik buatannya dan dipakai oleh pengantin sama ada pengantin lelaki atau pengantin perempuan. Melihat kepada reka bentuk busana, penyelidik mendapati bagi setiap negeri Semenanjung Malaysia, ianya mempunyai reka bentuk yang tersendiri. Reka bentuk busana diambil kira dari aspek fesyen yang meliputi warna, potongan, dan pemilihan fabrik. Dalam kajian ini, busana dikaitkan dengan busana pengantin dengan mempelajari bagaimana cara memilih, mengatur dan mengubah suai, sehingga menghasilkan reka bentuk busana yang lebih menarik, cantik dan menepati dengan penggunaan *heavy weight material* (denim) dengan menggunakan teknik *draping*.

Fabrik denim telah diketahui umum penggunaan pemakaianya sebagai seluar *jean* yang kasar, lasak dan tahan lama. Denim disama ertikan juga dengan gelaran *jean*. Fabrik diperbuat daripada kain kapas yang tebal, tahan lasak dan kebiasaanya seluar panjang berwarna biru dan dipakai secara kasual dijahit dengan jahitan tindih pada kelim, berpocket depan, belakang dan berbutang logam. Pada asalnya, ia dipakai sebagai pakaian yang tahan lasak, kotor dan kuat jahitannya. Denim selalu dikaitkan dengan ketahanan fabriknya dan disebabkan faktor inilah kenapa ia digemari. Si pemakai akan merasa selesa dan selamat berikutnya dengan ketahanan fabriknya walaupun seseorang itu bergerak dan menjalankan aktiviti lasak. Denim boleh menghalang dari berlakunya kecederaan ringan. Kualiti fabriknya memang diakui ramai, tidak mudah koyak, walaupun dicuci beberapa kali. Dalam kajian ini, denim adalah bahan *heavy weight material* yang digunakan bagi mereka bentuk busana pengantin. Adakah kain denim yang tebal dan kasar dapat memberi kesan yang menarik kepada reka bentuk yang dihasilkan untuk busana pengantin? Penyelidik memilih denim sebagai subjek rekaan kajian dan beberapa unsur penting akan dimasukkan ke dalam rekaan busana pengantin yang berlandaskan konsep yang dipilih. Berkonseptkan teknik *draping*, penyelidik cuba menghasilkan rekaan yang ringkas tetapi menampilkan gaya ranggi, segak dan berstail. Namun demikian, tetap mengutamakan ciri-ciri kewanitaan. Keperibadian budaya warisan tetap diutamakan agar tidak terpesong dari matlamat asal. Apa yang penting adalah keselesaan dan penampilan ringkas yang ingin ditonjolkan dalam rekaan tersebut.



**Rajah 2** Busana pengantin dari fabrik denim dan teknik draping.

## Metodologi dan Bahan

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mengenal pasti kepentingan reka bentuk busana pengantin menggunakan *heavy weight material* (denim) dengan pendekatan teknik *draping*. Kajian ini juga, melibatkan penyediaan satu prototaip reka bentuk busana pengantin wanita bagi membantu pelajar-pelajar dan para pensyarah IPTA atau IPTS dan guru sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka yang berhubung kait dengan teknik *draping* dalam mereka bentuk busana pengantin. Metodologi kajian juga meliputi maklumat berhubung dengan sampel kajian, alat kajian, tatacara mereka bentuk busana kajian dan tatacara menganalisis reka bentuk tersebut.

Kajian ini meneroka dan menganalisis akan kompleksnya teknik *draping* serta penggunaan *heavy weight material* (denim) dan hubung kaitnya dengan busana pengantin terhadap struktur reka bentuk busana melalui pengumpulan imej (visual) dan penghasilan mereka bentuk semula busana pengantin. Analisis kajian yang dibuat ini melibatkan kaedah iaitu secara konvensional. Walau bagaimanapun, kaedah teknik *draping* menjadi entiti utama dalam meneliti dan menghuraikan proses reka bentuk busana pengantin tersebut dihasilkan. Tujuan utama reka bentuk kajian di lapangan adalah untuk mengumpul seberapa banyak yang boleh reka bentuk busana pengantin yang terdapat di Malaysia. Reka bentuk busana pengantin yang diambil oleh pengkaji iaitu yang terdapat di Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Selangor, Kedah dan Perlis. Pendekatan kualitatif dalam kajian ini, sesuai digunakan bagi mengumpul data yang dikehendaki serta menilainya. Dalam masa yang sama, data yang diambil boleh memberi kesan ke atas kajian yang dibuat oleh penyelidik.

Kajian kepustakaan pula digunakan sepanjang kajian untuk menganalisis data dan sebagai rujukan asas kepada kajian serta penulisan kajian. Bahan-bahan yang dirujuk adalah terdiri daripada bahan-bahan bercetak seperti buku, jurnal atau tesis, hasil-hasil kajian terdahulu, dokumen, akhbar dan majalah. Selain itu, kajian ini juga mendapatkan maklumat melalui bahan elektronik seperti laman web dan lain-lain sumber berkaitan. Pada peringkat awal proses kajian ini, penyelidik mengumpul maklumat dan mengambil visual (foto) dari reka bentuk busana pengantin yang diperolehi di lapangan di Malaysia. Peringkat pertama ini juga menentukan reka bentuk busana pengantin yang berkaitan dengan reka bentuk yang sedia ada yang telah dihasilkan oleh pengkarya dan pereka yang lalu dari pendekatan teknik *draping*. Mereka bentuk dan menganalisis reka bentuk busana di atas melibatkan beberapa tugas yang perlu dilakukan oleh penyelidik. Mereka bentuk busana pengantin menggunakan teknik *draping*, penyelidik melakukan terus atas *dress form (dummy)*. Ternyata ada perbezaan diantara penggunaan teknik *flat pattern making* dan *draping* yang menghasilkan pelbagai reka bentuk. Salah satu kebaikan menggunakan teknik *draping* ialah penyelidik dapat melakukan dengan cepat pertukaran reka bentuk yang dihasilkan dan boleh mengubah suainya dengan idea

yang berbeza-beza di atas *dummy* secara terus. Menariknya, pada setiap pergerakan yang dibuat ketika mereka bentuk tanpa disedari membantu menghasilkan pelbagai idea baru dan menarik.

Langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh penyelidik, mengambil foto, melukis *draft* dan *thumbnail* serta mencatat nota sepanjang proses mereka bentuk busana. Ini bertujuan agar proses mereka bentuk berjalan dengan sempurna atau ingin membuat penambahbaikan. Hal ini penting kerana nota dan *draft* menerangkan dengan lebih terperinci elemen-elemen kerangka reka bentuk busana berbanding dengan hanya foto visual, sekiranya tiada catatan, agak sukar mengingati semula proses reka bentuk sebelumnya. Terutamanya, yang melibatkan kedudukan garisan *grain* fabrik kerana ini boleh merosakkan *stretches* pada fabrik yang digunakan atas *dress form*.

### 1. Kesan Graviti

Satu kelebihan yang amat ketara apabila penyelidik menggunakan teknik *draping* ialah kesan graviti ke atas fabric. Ia menampakkan rupa bentuk *draping* pada kedudukan sudut yang berbeza dan arah berbanding menggunakan teknik *flat pattern*. Walau bagaimanapun, penyelidik perlu berhati-hati terhadap kesan graviti kerana ia boleh menyebabkan kekerapan penggunaan pin ke atas fabrik dari bahagian bawah hingga ke bahagian leher. Pada peringkat awal, reka bentuk tiada masalah yang ketara, apabila meletakkan fabrik pada kedudukan yang tinggi atas *dummy*. Tetapi sekiranya hendak mereka bentuk pakaian sebenar, penyelidik perlu pastikan bentuk *draping* yang dikehendaki akan kekal lama pada kedudukannya. Keadaan ini jelas tidak akan berfungsi jika penyelidik hanya *draping* pakaian pada separuh badan dan memerlukan cermin untuk separuh lagi bahagian. Sekiranya pakaian tersebut tidak dapat kekal lama pada badan, maka penyelidik mungkin perlu mempertimbangkan sama ada menggunakan struktur dalaman yang berbentuk khas untuk memegang pakaian atau dengan cara lain.

### 2. Batasan Teknik *Draping*

Satu perkara penting kepada penyelidik apabila menggunakan teknik *draping* ke atas *dummy* adalah ketika mereka bentuk “*on the stand*” terhad kepada pakaian berbentuk saiz badan sahaja. Dari segi reka bentuk akhir penyelidik kelihatan sedikit generik, atau sedikit yang telah siap. Dalam masa yang sama, *base structure* yang dihasilkan oleh penyelidik terlebih dahulu sebelum *draped* pada *dress form* supaya dapat menghasilkan reka bentuk busana yang lebih menarik. Selain itu, penyelidik mengepin, memanipulasi, menjahit jelujur atau mengubah bentuk fabrik terlebih dahulu sebelum mula membentuk atas *dress form*.

### 3. Pergerakan Badan yang Mudah

Penyelidik juga perlu memikirkan bagaimana sekiranya si pemakai bergerak apabila pakaian telah siap, di mana pakaian tersebut benar-benar ketat pada badan dan tiada ruang untuk si pemakai mampu untuk menggerakkan tangan mereka atau duduk dan sebagainya. Salah satu cara untuk penyelidik mengelakkan masalah ini adalah dengan mencipta *corset* yang dilengkapi terlebih dahulu, yang membolehkan pergerakan dengan mudah, dan kemudian *drape* bahagian fabrik yang lebih kompleks di atas *corset* tersebut. Proses ini menjadikan lebih mudah untuk mengambil dan meletakkan pakaian atas *dress form* tersebut jika diperlukan.

### 4. Pemilihan Sampel Kajian

Bagi mereka bentuk busana pengantin wanita, penyelidik menerapkan warna-warna gelap seperti hitam, coklat atau biru tua. Walaupun pada peringkat awal, penyelidik menggunakan warna asal biru tua dalam rekaan sebagai satu eksperimentasi. Hal ini kerana warna gelap lebih memberikan penampilan yang menarik selain dari warna biru. Selain itu, penyelidik ingin menampilkan satu kelainan dan pembaharuan dalam rekaan busana pengantin yang sedia ada. Pemilihan warna tidak hanya terhad kepada satu situasi sahaja. Ia juga sesuai dipadankan dengan yang lain dan tidak perlu risau untuk mencari padanan warna yang bersesuaian.

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan melibatkan tiga aspek utama seperti berikut:

1. Mengenal pasti reka bentuk busana pengantin oleh pereka-pereka di Malaysia yang menggunakan teknik *draping*.
2. Mengkaji reka bentuk busana pengantin wanita yang sedia ada di negeri-negeri Semenanjung Malaysia.
3. Mereka bentuk busana pengantin dengan teknik *draping* menggunakan bahan *heavy weight material* (denim).

Merujuk kepada pembacaan kepustakaan iaitu maklumat dari media cetak dan elektronik, penyelidik mendapati bahawa reka bentuk busana pengantin yang menggunakan teknik *draping* amatlah terhad bilangannya. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan sebilangan besar bakal calon pengantin baru hari ini, memilih busana pengantin yang mempunyai pendekatan yang berkonseptkan reka bentuk *draping* dan bertemakan kebaratan. Permintaan kepada reka bentuk ini amatlah luar biasa dan telah menjadi *trend* dalam kalangan pereka dan generasi muda. Amatlah tidak benar jika dikatakan bahawa, pereka-pereka fesyen di Malaysia mengabaikan reka bentuk busana tradisional warisan melayu dan mengutamakan serta mendewakan reka bentuk dari barat. Hasil daripada pembacaan yang dibuat oleh penyelidik berhubung dengan busana pengantin Melayu, didapati teknik *draping* tidak digunakan sepenuhnya. Namun, bermula dari tahun 2010, pendekatan teknik *draping* telah mula digunakan oleh para pereka busana pengantin di Malaysia disamping teknik *flat pattern* yang sedia ada. Pereka-pereka yang terlibat dalam mereka bentuk busana pengantin antaranya Nuritha Harith, Rizalman Ibrahim, Salikin Sidek, Radzuan Radziwill, Rizman Ruzaini, Syaiful Baharim dan Sharifah Kirana Syed Ghazali.



**Rajah 3** Reka bentuk busana pengantin oleh pereka Nurita Harith (teknik *draping*)

- i. Nurita Harith - pereka fesyen bertubuh kecil tetapi dengan bakat yang besar dan setaraf dengan pereka fesyen tersohor tanah air yang lain. Dikenali sebagai "Ratu *Draping*", busana beliau sering menghiasi majalah-majalah fesyen serta disarungkan oleh selebriti-selebriti cantik tanah air.
- ii. Radzuan Radziwill - merupakan seorang pereka busana perkahwinan Malaysia yang terkenal dengan rekaannya yang menggabungkan unsur tradisional Melayu dan Asia dengan rekaan moden dan bergaya. Beliau berjaya membawa kelebihan yang unik di dalam semua rekaannya termasuk busana perkahwinan. Beliau juga seorang pereka yang telah memenangi anugerah melalui rekaan busana perkahwinannya untuk majlis perkahwinan anak lelaki Timbalan Perdana Menteri.



**Rajah 4** Reka bentuk busana pengantin oleh pereka Radzuan Radziwill

- iii. Menurut Sharifah Kirana (2006), “secara semula jadinya saya dianugerahkan bakat seni dalam diri yang saya warisi dari turun-temurun. Setiap hasil kerja saya ada jalan cerita disebaliknya dan mempunyai nilai tersendiri. Setiap helai pakaian pengantin yang saya hasilkan adalah karya agung seni. Sesiapa yang memiliki haru harus tahu menghargai dan menyimpannya sebagai satu khazanah yang nilainya semakin lama semakin mahal mengikut usia.



**Rajah 5** Reka bentuk busana pengantin oleh pereka Sharifah Kirana Syed Ghazali

- iv. Bercerita tentang rekaan fesyen, Salikin memang terkenal dengan potongan klasik yang melambangkan budaya Melayu, Cina dan tradisional India. Nama beliau juga biasa disebut apabila membicarakan majlis-majlis perkahwinan selebriti tempatan yang banyak mengupah Salikin untuk rekaan pakaian pengantin.



**Rajah 6** Reka bentuk busana pengantin oleh pereka Salikin Sidek

Berpandukan daripada rekaan busana pengantin dari pereka-pereka yang terlibat iaitu; Nuritha Harith, Rizalman Ibrahim, Salikin Sidek, Radzuan Radziwill, Rizman Ruzaini, Syaiful Baharim dan Sharifah Kirana Syed Ghazali, setiap reka bentuk yang dihasilkan mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Menariknya bagi setiap busana pengantin, identiti warisan tradisional Melayu tidak diabaikan begitu sahaja, walaupun ada pengaruh dari barat. Memang tidak dinafikan teknik *draping* mempengaruhi hampir setiap busana pengantin oleh pereka yang berstailkan kebaratan dan kemodenan yang diguna pakai pada hari ini.

Jadual 1 menunjukkan pecahan dan reka bentuk busana pengantin di negeri-negeri Semenanjung Malaysia. Ia terbahagi kepada empat jenis reka bentuk busana pengantin melayu wanita yang utama iaitu: baju Melayu, baju kebaya, baju berkemban dan baju kurung.

**Jadual 1** Reka bentuk busana tradisional melayu

Bil.	Negeri	Reka bentuk busana
1	Perak	Baju Melayu
2	Pulau Pinang	Baju Kebaya pendek
3	Perlis	Baju Kebaya panjang
4	Kelantan	Baju berkemban
5	Kedah	Baju kurung Kedah (pesak gantung)
6	Pahang	Baju kurung Pahang (tiada pesak & kekek)
7	Terengganu, Melaka, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor	Baju kurung

- i. Baju Kebaya- ialah pakaian tradisional yang dikenakan oleh wanita Malaysia dan Indonesia. Ia diperbuat daripada kain kasa yang dipasangkan dengan sarung, batik, atau pakaian tradisional yang lain seperti songket dengan motif warna-warni. Pakaian yang mirip dengan panggilan "nyonya kebaya" diciptakan pertama kali oleh orang-orang Peranakan daripada Melaka. Mereka mengenakkannya dengan sarung dan kasut cantik bermanik-manik yang disebut "kasut manek". Kini, nyonya kebaya sedang mengalami pembaharuan, dan juga terkenal dalam kalangan wanita bukan Asia. Terpisah daripada kebaya tradisional, ahli fesyen sedang mencari cara untuk memodifikasi reka bentuk dan membuat kebaya menjadi pakaian yang lebih moden. Kebaya yang dimodifikasi dalam reka bentuk busana pengantin di dua buah negeri Perlis dan Pulau Pinang.
- ii. Baju Berkemban - Berkemban pada zaman dulu dianggap normal bagi masyarakat berhuma, berladang dan bertani. *Trend* berkemban yang lazim adalah kain batik yang diikat ke parasdada ditutupi dengan kain lain di atasnya atas sebab *modesty* dan kepala ditutupi sehelai kain yang

dipanggil selendang atau kelumbong. Pada zaman sekarang *trend* pakaian pengantin wanita sudah mula meniru negeri Kelantan dan kembali ke era reka bentuk Cik Siti Wan Kembang. Bagi negeri lain, golongan wanita istana dan bangsawan berpakaian berkemban bila beradu atau bila berada di dalam rumah. Jika keluar ke majlis keraian wanita dari golongan bangsawan akan memakai kebaya labuh. Ada yang mengenakan kain cindai yang diikat dipinggang di atas baju kebaya. Mereka akan mengenakan tudung di kepala atau jika di Pahang dan Sarawak, dikenakan kain batik yang disarung di kepala. Di Terengganu pula kain tenunan songket akan menutupi kepala wanita golongan bangsawan.

- iii. Baju Kurung Kedah diperlcayai berasal dari Selatan Thai. Baju tersebut menyerupai blaus pendek dibuat singkat sampai ke paras punggung di selatan Thai. Baju Kurung Kedah terdiri daripada baju yang longgar dan diperbuat daripada kain cita (kapas) yang berbunga kecil ataupun kain kasa tebal atau nipis yang jarang serta potongan leher bujur sireh. Baju Kurung Kedah dipakai bersama kain sarung. Kain sarung diikat ambak mengalur dan dimasuk sebelah kiri atau kanan. Baju Kedah boleh disifatkan sebagai pakaian sehari-hari atau pakaian basahan.
- iv. Pemakaian Baju Melayu telah berkuat kuasa sewaktu pemerintahan Sultan Muhammad Shah, Melaka (1424-1444) sultan ketiga dari empayar Kesultanan Melayu Melaka. Beliau telah mengeluarkan satu bentuk titah yang melarang orang Melayu memakai cara Arab, India dan Eropah serta cara China dan Khmer. Pada hari Jumaat juga, semua lelaki Melayu dikehendaki pergi ke masjid dengan memakai sepersalinan bersih dan cantik lengkap bertanjak dengan wangian kasturi. Baju Melayu, baju Sikap atau baju Layang adalah berlengan pendek (3 suku). Ada juga baju Melayu yang dibuat tidak berlengan. Baju Melayu asalnya semua dicipta dengan gaya leher “teluk belanga” dan “cekak musang”. Ia hanya boleh dipakai oleh Raja atau Sultan sahaja. Setelah mangkatnya Sultan Mahmud Shah II (mangkat dijulang) pada tahun 1699, beliau telah mengubah pemakaian baju dan seluar dengan memanjangkan kain sehingga ke pangkal lengan (baju) dan ke pangkal buku lali (seluar). Semua buatan baju Melayu dan seluar adalah berkekek dan berpesak. Kebiasaannya, baju Melayu dijahit menggunakan fabrik kapas atau campuran yang selesa dipakai.
- v. Baju Kurung Pahang atau dikenali sebagai Baju Kurung Riau Pahang pula menyingkap pertalian sejarah antara kedua negeri Riau dan Pahang. Walaupun Riau dan Pahang adalah dua buah negeri yang berjauhan, perhubungan politik dan sosial budaya yang terjalin sewaktu zaman Kerajaan Melayu Melaka terserlah dengan terciptanya potongan pakaian ini yang juga dikenali sebagai Baju Belah atau Baju Kebaya Turki. Berbeza dengan pesak baju kurung, kedua-dua bahagian tepi Baju Kurung Riau Pahang berpesak kembang yang disambungkan kekek gantung. Menurut Siti Zainon (2006) baju kurung ialah pakaian yang popular dalam kalangan orang Melayu. Pakaian ini merujuk kepada pola panjang untuk baju wanita dan mempunyai ciri khusus yang membezakannya dengan pakaian lain. Pengertian kurung mempunyai persamaan dengan konsep pakaian menutup anggota tubuh berdasarkan konsep cara Islam. Pelbagai jenis kurung mendapat inspirasi daripada Kurung Pahang, Kurung Kedah, Kurung Cekak Musang dan Kurung Teluk Belanga.

Berpandukan daripada rekaan busana pengantin dari empat jenis reka bentuk busana yang utama iaitu baju Melayu, baju kebaya, baju berkemban dan baju kurung. Setiap reka bentuk yang dihasilkan mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Memang tidak dinafikan teknik *draping* mempengaruhi hampir setiap busana pengantin yang berstailkan kebaratan dan kemodenan yang diguna pakai pada hari ini.

## Mereka Bentuk Busana Pengantin dengan Teknik Draping atas Denim

Mereka bentuk busana pengantin dengan teknik *draping* memerlukan satu proses yang berperingkat kerana penelitian amat penting sebelum ianya dihasilkan.

### 1. Memasang *Body Line* Pada *Dress Form*

*Body line* yang akan dibentuk pada *dress form* merupakan lakaran garis-garis dasar pola atau sebagai tanda-tanda pola yang diperlukan dalam pembuatan pola dasar (*basic pattern*) dengan teknik *draping*. Garis-garis dasar tersebut dibahagikan kepada dua iaitu:

- a. Garisan menegak (*vertical*) yang terdiri daripada garis tengah muka (panjang muka), garis tengah belakang (panjang punggung) dan garis sisi (panjang sisi).
- b. Garisan mendatar (*horizontal*) yang terdiri daripada garis leher, garis bahu, garis dada, garis pinggang dan garis pinggul.

Garis-garis konstruksi ditentukan dengan menggunakan pita *cord* merah untuk garis *vertical*, biru atau kuning untuk garis *horizontal* atau warna lain untuk garis pecah modelnya.

### 2. Membuat Pola Dasar Bahagian Depan dan Pola Dasar Bahagian Belakang

Menghasilkan pola *draping* dasar bahagian depan dan bahagian belakang *dress form* merupakan dari langkah-langkah dalam menilai bahan untuk *mendraping*. Langkah-langkah pola bahagian depan dan belakang. Ianya dihasilkan dengan mengikut idea yang diinginkan dan bersesuaian dengan reka bentuk dan permintaan dari si pemakai. Rekaan yang dihasilkan selalunya menitikberatkan bahagian pembukaan, bahagian dada, bawah lengan dan sebagainya atau disebut *details design*. Padanan kepada saiz bentuk tubuh si pemakai haruslah tepat. Hal ini kerana ukuran badan pada awalnya telah pun dibuat. Penghasilan pola *draping* dasar bahagian hadapan dan belakang *dress form* boleh dilakukan dalam dua cara. Cara pertama iaitu dengan membahagi bahagian badan kepada satu, dua, tiga atau empat (ke sisi). Cara kedua pula adalah penghasilan pola *draping* dari badan terus ke kaki (ke bawah). Setelah menghasilkan pola draping yang diinginkan, pin perlu disemat pada setiap perincian yang telah ditandakan. Lebihan kain yang tidak diperlukan boleh digunting agar rekaan tampak lebih jelas.

### 3. Membuat Pola Dasar Bahagian Bawah

Menghasilkan pola *draping* dasar bahagian bawah *dress form* merupakan proses seterusnya agar rekaan menjadi lengkap sebelum proses menghasilkan *flat pattern*. Ia adalah kesinambungan dari penghasilan pola dasar bahagian badan. Penghasilan pola bahagian bawah ini pula menekankan serta menitikberatkan keselesaan si pemakai untuk berjalan, berdiri, duduk dan sebagainya.

### 4. Membuat *Flat Pattern*

*Flat pattern* dilakukan setelah semua kerja teknik *draping* selesai sepenuhnya (*details design*). Ini merupakan proses terakhir dilakukan sebelum proses menjahit dijalankan. Setelah *flat pattern* selesai, kain asal boleh dipotong mengikut *pattern* (menggunakan kertas mahjong) tersebut. Jika *draping* tadi menggunakan kain asal, penghasilan *flat pattern* tidak perlu dilakukan atau diadakan. Kain tadi boleh terus dijahit sepenuhnya dan *fitting* pada si pemakai.

## Kesimpulan

Keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa teknik *draping* menggunakan *heavy weight material* (denim) telah mula mendapat perhatian pereka-pereka fesyen di Malaysia, tetapi tidak secara menyeluruh berbanding dengan penggunaan fabrik seperti kain sutera, songket, *silk* dan sebagainya. Denim dilihat, bukan menjadi pilihan utama ketika memilih busana pengantin wanita terutamanya kepada masyarakat Melayu, yang masih mengekalkan warisan tradisional timur. Namun, ini tidak bermakna *trend* penggunaan fabrik denim diabaikan, kerana pada suatu hari nanti ianya akan menjadi tarikan utama kepada generasi akan datang. Hari ini fabrik denim menjadi alternatif kedua kepada sesetengah masyarakat barat ketika meraikan hari perkahwinan mereka dan tidak mustahil perkara yang sama juga akan berlaku di Malaysia. Keutamaan kepada pemilihan reka bentuk, perhiasan, fabrik yang sesuai, lokasi, keadaan masa langsungnya perkahwinan yang akan menentukan keindahan, kecantikan dan keunggulan busana pengantin wanita yang dihasilkan.

## Penghargaan

Kajian ini tidak akan dapat disiapkan tanpa sumbangan, sokongan, bantuan dari individu tertentu terutamanya daripada RMIC, UPSI, PM. Dr. Harozila Ramli dan Dr. Ridzuan Hussin.

## Rujukan

- Agusti, Efi Marthala. (2000). *Tradisi dan perubahan pakaian pengantin Minangkabau di Kota Padang*. Tesis Sarjana.
- Astuti. (2010). *Modul Draping. Persiapan Pembuatan Pola Draping*.
- Macnab, M. (2012). *Design by nature*. Berkeleys: New Riders.
- Mila Karmila. (2010). *Bahan perkuliahan busana pengantin Malaysia*.
- Tersteige, G. (2010). *The making of design. From the first model to the final product*. Basel: Birkhauser.
- Sri Wening. (2014). *Modul teknik draping*. Yogyakarta.
- Patricia L. Baker. (1995). *Islamic textiles*. London: British Museum Press.
- Samsu Adabi Mamat. (2007). *Sejarah tamadun Islam Zaman Umawi dan Abasi*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaharah Ahmad Osman. (1995). *Inspirasi pendekatan kontemporari reka corak teksil Tradisional Melayu*. Selangor: Universiti Putra Malaysia. <http://maruwiah.com/category/budaya/pakaian-tradisional-budaya/>